

Nasional

DBKL perkenalkan Pelan Tindakan KL Bersih Indah

Kajian teknik pelupusan sampah in-Situ antara 19 program dirancang

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menjalankan satu kajian penyelidikan berhubung teknik pelupusan sampah secara in-Situ yang menggunakan teknologi 'Eco-Smart High Temperature Pyrolysis'.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham A Dahlan, berkata kajian penyelidikan itu adalah satu projek perintis yang dilaksanakan selama tiga bulan bermula 1 Mac (hari ini) di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pinggiran Bukit Jalil.

"Buat masa ini, ujian percubaan pelupusan sampah ini hanya membabitkan blok A, B, C, D dan E di PPR berkenaan. Kita akan melihat bagaimana hasil

kajiannya dan sekiranya ia berjaya (meliputi kualiti udara, kebersihan dan keselamatan), maka kita akan menempatkannya di setiap kawasan Parlimen," katanya

"Apa yang penting, kita mahu melihat dahulu impaknya kepada masyarakat. Apakah ia boleh membantu menjimatkan kos dan memberi persekitaran yang baik?," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pelan Tindakan KL Bersih Indah di sini, semalam.

Nor Hisham berkata, kajian penyelidikan itu adalah satu daripada 19 program yang dirancang untuk dijalankan melalui Pelan Tindakan KL Bersih Indah sepanjang tahun ini.

Katanya, ia membabitkan lapan kluster, iaitu Jom Buat Duit, Kesedaran Kebersihan, Inisiatif Hijau, Sifar Sisa, Blueprint Penarafan Kebersihan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2020-2025, Penguatkuasaan, Premis Bersih dan Sekolah Lestari.

"Pelan ini sebagai inisiatif dalam merealisasikan matlamat



Nor Hisham (dua dari kanan) melihat Pusat Pengurusan Sampah Pintar selepas majlis pelancaran Pelan Tindakan KL Bersih Indah di PPR Pinggiran Bukit Jalil, semalam. (Foto BERNAMA)

menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang bersih dan indah.

"Pembabitkan warga kota serta pihak berkepentingan dalam pelaksanaan semua program yang

sudah dirancang adalah penting bagi mewujudkan warga kota Kuala Lumpur yang membudayakan kebersihan dan penjagaan alam sekitar," katanya.

BERNAMA